

## PENGAJARAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI BAGI MURID-MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN TERUK

(Communication Skill Teaching For Severe Learning Disabilities Pupils)

**NOOR AINI AHMAD**

[noor.aini@fppm.upsi.edu.my](mailto:noor.aini@fppm.upsi.edu.my)

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**ZAMRI MAHAMOD**

[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**ZAHARA AZIZ**

[zahara@ukm.my](mailto:zahara@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak:** Murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan turut mendapat peluang untuk belajar dalam Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Mereka berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan menggunakan bahasa isyarat sendiri. Perkara ini tentu menyukarkan mereka kerana tidak boleh berinteraksi secara bebas dengan orang di sekeliling mereka. Murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan boleh mendapat manfaat daripada sistem pendidikan yang mereka hadiri jika guru dan murid menggunakan komunikasi augmentatif dan alternatif dalam proses P&P. Satu kajian kualitatif telah dijalankan secara naratif inkuiri sebagai kaedah kajian. Data dikumpul melalui pemerhatian di dalam bilik darjah, temu bual dan analisis bukti dokumen. Hasil kajian mendapati murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan belajar kemahiran bahasa menggunakan isyarat tangan dan berbantuan gambar yang mana boleh dianggap sebagai kaedah tradisional. Proses P&P kemahiran bukan lisan dapat dijalankan dengan lebih berkesan jika guru dapat menguasai dan mempunyai pengetahuan berkaitan terapi pertuturan. Sebagai cadangan, komunikasi augmentatif dan alternatif boleh digunakan sebagai satu pendekatan pengajaran untuk membantu murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan. Bagi melaksanakannya sebagai inovasi P&P, ibu bapa, guru-guru Pendidikan Khas dan Pembantu Pengurusan Murid perlu diberi pengetahuan menerusi siri latihan dan bengkel.

**Kata kunci:** Komunikasi augmentatif dan alternatif, murid-murid bermasalah pembelajaran, kemahiran bahasa, terapi pertuturan

**Abstract:** Pupils with learning disabilities of severe speech problem also have the opportunity to learn in the Special Education Integration Programme for Learning Disabilities. They communicate with teachers and friends using their self-created sign language. This made it difficult for them as they could not communicate freely with the people around them. Pupils with severe learning disabilities can benefit from the education system if their teachers and peers use augmentative and alternative communication in the teaching and learning process. A qualitative study was carried out using a narrative inquiry research design. Data were collected from various sources such as classroom observations, interviews and analysis of document evidence. The result showed that pupils with severe learning disabilities learnt language skills by using gestures and picture cards; that may be perceived as traditional method. The T&L of non-oral skills may be more effective if teachers could master and have the knowledge related to speech therapy. Augmentative and alternative communications recommended as a teaching approach to help pupils with learning disabilities of severe speech problem. To implement this as a T&L innovation, parents, Special Education teachers and Student Management Assistant should be given knowledge through training and workshop series.

**Keywords:** Augmentative and alternative communication, students with learning disabilities, language skill, speech therapy

## PENGENALAN

*World Declaration on Education for All* (WDEHA 1994) yang berlangsung di Jomtien, Thailand menyebut bahawa semua individu seharusnya mendapat kebaikan daripada peluang pendidikan yang direka khusus untuk mereka bagi mencapai keperluan pembelajaran asas (seperti literasi, ekspresi lisan dan menyelesaikan masalah) dan kandungan pembelajaran asas (seperti pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap). Pengkaji melihat murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa komunikasi perlu mendapat peluang belajar kemahiran bahasa seperti yang termaktub dalam *World Declaration on Education for All* kerana mereka amat memerlukan keperluan pembelajaran asas untuk berkomunikasi.

Malah Akta Pendidikan 1996, suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya menyebut bahawa Menteri hendaklah mengadakan perkhidmatan Pendidikan Khas di sekolah khas atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan Menteri memberi manfaat kepada murid-murid khas. Para 41 pula menyebut bahawa antara lain, tertakluk kepada Subseksyen (2) dan (3), Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan kurikulum yang hendaklah digunakan berhubungan dengan Pendidikan Khas, kategori murid yang memerlukan Pendidikan Khas dan kaedah yang sesuai bagi pendidikan murid bagi setiap kategori sekolah khas.

Oleh kerana kemahiran bahasa secara relatifnya berkait rapat dengan pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, maka kebolehan dan kesediaan murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan menggunakan kemahiran bahasa yang dipelajari menerusi komponen Bahasa Melayu, sama ada dalam aktiviti di dalam atau luar bilik darjah memberi kesan langsung dalam kehidupan mereka. Dalam mengharungi kehidupan seharian, kemahiran bahasa tidak dapat disangkal kepentingannya sebagai medium perantara. Apabila diteliti berkaitan pengajaran kemahiran bahasa bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan, sebenarnya banyak usaha telah dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Khas, tetapi hanya sedikit yang diketahui umum. Kemahiran prapertuturan perlu diajar dan kemahiran ini merangkumi aktiviti mendengar, kemahiran memberi perhatian, kemahiran sosial (kebolehan hubungan mata, ambil giliran, peniruan, bermain dan berinteraksi), kognitif dan bahasa ekspresif. Panduan mengajar dalam program stimulasi prapertuturan dilihat perlu dibangunkan yang meliputi terapi alternatif, mengajar kemahiran prapertuturan, bermain, inventori perkataan berfungsi di mana murid-murid bermasalah pembelajaran teruk diajar perkataan-perkataan tertentu yang dikenal pasti amat diperlukan dalam kehidupan seharian.

## TUJUAN DAN SOALAN KAJIAN

Isu yang kerap timbul dalam pendidikan kanak-kanak golongan minoriti dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran ialah sejauh mana masa terapi tambahan disediakan bagi mereka. Terlalu banyak kekangan dihadapi dalam memenuhi kurikulum sedia ada. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar dalam Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) apabila mengajar murid-murid bermasalah teruk tanpa pertuturan. Secara khusus, kajian ini cuba menjawab persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah pengajaran kemahiran Bahasa Melayu untuk murid-murid bermasalah teruk tanpa pertuturan dilaksanakan?
2. Sejauh manakah kurikulum yang disediakan disuaimanfaat untuk murid-murid bermasalah teruk tanpa pertuturan?

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara naratif inkuiri di mana dapatan kajian dikumpul secara pemerhatian di dalam sebuah bilik darjah yang menempatkan sekumpulan murid bermasalah pembelajaran teruk di sebuah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan yang mempunyai program integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Seorang guru Pendidikan Khas ditemubual dan pemerhatian dijalankan selama enam bulan untuk melihat proses pengajaran dalam pengajaran (P&P) kemahiran bahasa. Data yang dikumpul menerusi pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen dilaporkan secara inkuiri naratif.

### DAPATAN KAJIAN SECARA NARATIF

Mengajar murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan sememangnya amat mencabar terutama kepada guru baru seperti PKAzlina. PKAzlina merupakan peserta kajian dalam kajian ini dan baru lima bulan melaporkan diri di Sekolah A. PKAzlina didapati kerap berbincang dengan rakan-rakan guru Pendidikan Khas yang lain mengenai tahap kebolehan Norman dan rakan-rakannya dalam Kumpulan Amal Lapan. Murid-murid dalam Kumpulan Amal Lapan terdiri daripada murid-murid bermasalah pembelajaran teruk dan dua orang murid dalam kumpulan ini tidak boleh bertutur. Sungguhpun PKAzlina mengambil pengkhususan dalam bermasalah pendengaran, beliau mengakui pada mulanya agak sukar juga untuk mengajar Norman. Apatah lagi buku Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah tidak banyak membantu. PKAzlina menceritakan betapa ada ketikanya dia buntu dan tidak tahu apa yang perlu diajar kepada murid-murid dalam kumpulannya. PKAzlina menjelaskan bahawa di peringkat awal pembabitan beliau dalam pengajaran kemahiran bahasa, beliau gagal berinteraksi dengan Norman dan Hussien kerana beliau tidak tahu pendekatan terbaik.

PKAzlina bernasib baik kerana bekerja di bawah seorang penyelaras program yang berpengalaman dan sedia membantu. Dengan kerjasama penyelaras program, PKAzlina belajar menerusi Manual Pengurusan Kanak-kanak yang Mengalami Masalah Komunikasi bagi merancang pengajaran dengan lebih baik. Berbekalkan kemahirannya menggunakan bahasa isyarat kod tangan, PKAzlina kini lebih bersedia untuk mengajar kemahiran prapertuturan dalam Kumpulan Amal Lapan:

*Lepas tu kita pun nak tahu apa yang diajarkan, yang tahunan tu, saya diberi satu buku bahasa dari Kementerian Kesihatan, penyelaraslah yang bagikan, suruh check tu. Kemudian saya tengok tu memang dah lengkap. Dia punya susunan daripada budak tidak mengenal benda apa semua kepada praverbal, prapertuturan sampailah boleh baca semua. Lepas tu saya tidak tahu standard atau tahap murid saya macam mana kan. (Kod: 1P/BPT/ikut/ PKAzlina/ s2.11/p25)*

Pengkaji mendapati Manual Pengurusan Kanak-kanak yang Mengalami Masalah Komunikasi yang dirujuk oleh PKAzlina disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk kegunaan ahli terapi pertuturan di hospital kerajaan. Apabila diteliti maklumat mengenai kemahiran prapertuturan yang terdapat dalam bukti dokumen, pengkaji mendapati terdapat lima perkembangan bahasa lisan yang perlu dipelajari dalam kemahiran prapertuturan, iaitu kemahiran mendengar, memberi perhatian, kemahiran sosialisasi, kognitif dan kemahiran penghayatan yang boleh dipersembahkan melalui pertuturan atau bukan pertuturan seperti menggunakan bahasa isyarat dan penulisan.

Berdasarkan dapatan pemerhatian bagi menyokong data di atas, pada suatu hari pengkaji mengikuti pengajaran kemahiran bahasa yang melibatkan Norman dan Hussien. PKAzlina diperhatikan mengajar mereka berdua kemahiran mengenal objek yang sama menggunakan

salinan lembaran kerja berdasarkan buku aktiviti prasekolah. Kemahiran dan aktiviti yang dijalankan hampir sama dengan aktiviti yang terdapat dalam Manual Pengurusan Kanak-kanak yang mengalami masalah komunikasi. Ini jelas menunjukkan PKAzlina menggunakan aktiviti yang dicadangkan dalam manual tersebut:

*Ajar kemahiran yang sama atau tajuk yang sama, tetapi aktiviti tu saya ubah-ubah ikut tahap kebolehan dan minat murid. Aktiviti yang mereka suka saya ulang lebih kerap kerana bila mereka suka aktiviti yang disediakan...saya dapati mereka lebih beri tumpuan. (Kod: 1P/BPT/ikut/PKAzlina/s4.10/p98)*

Diperhatikan juga PKAzlina perlu menyediakan banyak bahan bantu mengajar berteknologi rendah seperti kad-kad gambar, kad warna dan benda maujud. Norman didapati boleh mengklasifikasi objek dengan baik berbanding Hussien. Namun begitu, Norman tidak dapat menyampaikan mesej dengan baik kerana dia tidak boleh berkomunikasi dan bahasa isyarat tangan yang digunakannya sukar untuk difahami oleh PKAzlina. Ini menyebabkan Norman seringkali menarik diri apabila dipanggil untuk belajar kemahiran bahasa. Pengkaji mendapati murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tidak berpeluang belajar berbantuan komputer. Dengan itu PKAzlina lebih kerap mengajar Hussien dengan berpandukan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah:

*Misalnya untuk Hussien, saya rancang hendak ajar kemahiran prabacaan. Dalam buku Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran tercatat objektifnya membolehkan murid mengenal persamaan dan perbezaan objek dari segi rasa, warna, bentuk dan saiz. (Kod: 1P/BPT/ikut/ PKAzlina/ s6/p165)*

Berdasarkan petikan temu bual di atas, pengkaji telah menganalisis bukti dokumen yang berupa buku Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah, berfokus kepada kemahiran prabacaan. Pengkaji mendapati pada halaman 44, tercatat objektif yang dinyatakan oleh PKAzlina. PKAzlina menjelaskan:

*Untuk Hussien, saya bertanya dia dahulu, beri dia lembaran kerja tentang apa yang diulanginya dengan mempelbagaikan aktiviti. Misalnya, menggunakan bongkah kayu, puzzle, susunan warna dan sebagainya. Tetapi mereka cepat lupa dan saya perlu ulang semula pengajaran. (Kod: 1P/BPT/ikut/ PKAzlina/ s13.12/p451)*

Anderson (2006) telah menjalankan satu kajian berkaitan strategi berkomunikasi yang digunakan bagi mengajar kemahiran prapertuturan kepada murid-murid bermasalah pembelajaran dan mendapati guru selalu mengawal perbualan, menggalakkan pengajaran, menarik minat murid untuk belajar, memberi perhatian, mengulang perkataan dan memudahkan komunikasi. Beck (2002) mendapati murid-murid yang mempunyai masalah pertuturan kurang berpeluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti literasi dan berinteraksi. Beck menyatakan komunikasi alternatif dan augmentatif memberi peluang kepada murid-murid mengambil bahagian dalam aktiviti berkumpul bagi membaiki kemahiran bahasa dan mengembangkan kemahiran komunikasi secara berfungsi. Wright dan Kersner (1998) serta Anderson (2006) mendapati guru-guru Pendidikan Khas yang menguasai komunikasi augmentatif dan alternatif mampu membantu murid-murid bermasalah pembelajaran teruk untuk berkomunikasi.

Dapatan kajian menerusi pemerhatian juga menunjukkan PKAzlina sering kali memulakan pengajaran secara individu bersama Hanim, diikuti dengan Norman dan Hussien. Hussien diperhatikan amat pendiam dan hanya sesekali terdengar dia mengulang perkataan yang didengarinya. Pengkaji perhatikan PKAzlina selalu meminta Hussien mengenal pasti rakan

sekumpulannya dengan menunjuk ke arah mereka apabila nama mereka disebut. Berdasarkan penganalisan bukti dokumen yang berupa buku kedatangan Kumpulan Amal Lapan, pengkaji mendapati terdapat lima orang murid yang berdaftar dalam kumpulan ini. Oleh kerana Abdullah (bukan nama sebenar) terlibat dalam kemalangan jalan raya, dia mendapat cuti sakit dan tidak hadir ke sekolah sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Najib (bukan nama sebenar) pula menghadapi masalah kesihatan dan telah hampir setahun tidak hadir ke sekolah.

Dapatan kajian menerusi pemerhatian menunjukkan Hanim dan Norman mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama, perkara yang membezakan mereka ialah kebolehan komunikasi. Hussien pula diperhatikan memiliki tahap kebolehan yang lebih rendah berbanding dua orang rakannya itu. Pemerhatian ini disokong dengan temu bual berikut,

*Saya memilih isi kandungan mengikut kebolehan setiap murid dalam kumpulan saya.  
(Kod: 1P/BPT/ikut/PKAzlina/s8.2/p205)*

*Pengalaman belajar bagi saya sama dengan aktiviti di dalam bilik darjah. Saya susun aktiviti mengikut kemampuan murid. (Kod: 1P/BPT/ikut/ PKAzlina/ s9.6/p254)*

Menerusi pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati Hanim boleh mengikuti kemahiran prabacaan dan kemahiran menulis dengan baik. Oleh itu, diperhatikan PKAzlina telah menyediakan banyak lembaran kerja bagi kemahiran prabacaan, di samping memberi latihan menulis huruf dalam buku latihan garis satu. Menerusi penganalisan bukti dokumen yang berupa lembaran kerja dan buku latihan, pengkaji mendapati Hanim memiliki tulisan tangan yang kemas. Dia boleh menyalin dan menulis huruf dengan tepat, tetapi sering kali lupa bunyi huruf yang dituliskannya.

Selain belajar kemahiran prabacaan dan menulis, pengkaji mendapati PKAzlina juga memberi tumpuan kepada kemahiran berkomunikasi. PKAzlina menyatakan beliau sedang berusaha untuk menyelaraskan isyarat tangan yang diguna pakai oleh Norman kerana dia menggunakan isyarat tangan yang direkannya sendiri untuk berkomunikasi ekoran daripada tidak menerima perkhidmatan pendidikan yang seharusnya ketika berada di peringkat sekolah rendah. Walau bagaimanapun, PKAzlina didapati berpuas hati dengan pencapaian murid-murid bermasalah pembelajaran teruk yang berada dalam Kumpulan Amal Lapan. Pengkaji bersetuju dengan pandangan PKAzlina bahawa penggunaan isyarat tangan perlu dimulakan di awal persekolahan lagi supaya murid-murid mahir menggunakannya apabila ke sekolah menengah. Permasalahannya mungkin guru tidak mempunyai kemahiran menggunakan isyarat tangan dan pengetahuan mereka berkaitan komunikasi augmentatif dan alternatif masih di tahap rendah.

Dengan itu, didapati Komponen Bahasa Melayu dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dirancang bagi menyediakan murid bermasalah pembelajaran dengan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi bersesuaian dengan tahap kefungsiannya mereka ke arah kecekapan berbahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM 2004). Menerusi penelitian terhadap Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah, terdapat tujuh kemahiran bahasa digariskan dalam komponen Bahasa Melayu, iaitu (1) kemahiran mendengar, (2) kemahiran bertutur, (3) kemahiran prabacaan, (4) kemahiran membaca, (5) kemahiran pratulisan, (6) kemahiran menulis dan (7) kemahiran komunikasi.

Sebagai guru, PKAzlina didapati berusaha untuk membantu murid-murid Kumpulan Amal Lapan belajar kemahiran bahasa sehabis baik yang mungkin. Walaupun begitu, masih terdapat halangan kerana murid-muridnya tidak mengikuti terapi pertuturan di hospital. Seharusnya semua kanak-kanak yang dikenal pasti mengalami masalah komunikasi perlu dirujuk secepat mungkin kepada pegawai kesihatan di Pusat Kesihatan. Rancangan penjagaan rawatan dimulai dengan penilaian, diagnosis, mengemukakan matlamat intervensi, mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian,

mengemukakan rancangan rawatan, melaksanakan rancangan intervensi, penaksiran serta penilaian semula. Apabila sesuatu kes dirujuk kepada klinik pakar, audiologis dan patologis pertuturan oleh pegawai kesihatan, Jururawat Kesihatan Awam akan mengikuti kes di Pusat Kesihatan dan di rumah. Jururawat Kesihatan Awam perlu memastikan aktiviti stimulasi diikuti secara sistematik, berterusan dan sekerap mungkin. Kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan perlu didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Khas.

Dalam kes ini, Norman dan Hussien tidak mendapat penilaian dan intervensi yang seharusnya. Penilaian penting dalam pengurusan kanak-kanak bermasalah pertuturan dan penilaian dijalankan bertujuan untuk memberi maklumat kepada pemeriksa tentang kekuatan dan kelemahan murid-murid dalam kemahiran pertuturan. Penilaian perlu dilakukan dalam persekitaran yang senyap dan tahap pendengaran murid perlu juga dinilai menerusi ujian saringan menggunakan pendekatan yang bersesuaian. Ujian saringan lisan perlu dijalankan bagi mengenal pasti ketidaknormalan dari segi struktur atau kefungsi mekanisma pertuturan.

Berdasarkan bukti dokumen, maklumat mengenai kemahiran prapertuturan merangkumi kemahiran mendengar, kemahiran memberi perhatian, kemahiran sosial (kebolehan hubungan mata, ambil giliran, peniruan, bermain dan berinteraksi), kognitif dan bahasa ekspresif. Panduan mengajar program stimulasi prapertuturan meliputi beberapa aspek, seperti bermula dengan mengajar kemahiran prapertuturan, bermain dengan mereka, bercakap apabila bermain, murid-murid perlu belajar bahawa sebarang tindakan dan perkataan mempunyai tujuan tertentu. Antara aktiviti cadangan untuk kemahiran memberi perhatian adalah dengan memanggil nama murid, menggunakan permainan yang berwarna-warni, membaling, menangkap bola serta meniup belon.

Guru dilihat perlu melaksanakan program stimulasi komunikasi bagi menggalakkan murid-murid belajar bahasa reseptif di mana guru perlu selalu berbual dengan murid, menggunakan bahasa yang mudah difahami, bercakap dengan nada biasa tetapi perlahan, menggunakan gestur apabila perlu, mengelakkan gangguan, memberi galakan, memberi pujian serta memberi cukup masa kepada murid-murid untuk bertindak balas. Apabila mengajar kemahiran bahasa ekspresif, bangkitkan situasi supaya murid-murid boleh berkomunikasi, menggalakkan kanak-kanak bercakap secara spontan, menggalakkan penggunaan isyarat dan gestur, memilih perkataan yang mudah dan biasa digunakan di rumah.

Noor Aini (2010) mencadangkan pembentukan Program Kemahiran Bahasa bagi murid-murid bermasalah pembelajaran sederhana dan teruk apabila guru menjalankan proses P&P. Program ini menitik beratkan kurikulum personel, di mana setiap murid diajar mengikut tahap kebolehan dan keperluan masing-masing. Bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk, Noor Aini mencadangkan aktiviti pertukaran gambar, berfokus kepada kemahiran prapertuturan dan menggunakan komunikasi augmentatif dan alternatif apabila guru-guru mengajar kemahiran bahasa.

Aspek mengikut kesediaan guru tidak kurang pentingnya apabila pengubahsuaian kurikulum dirancang dan dilaksanakan. Kajian Clark (1997) berkaitan interaksi guru dan murid mendapati bahawa guru berinteraksi secara berbeza apabila mereka berhadapan dengan murid-murid bermasalah pembelajaran. Tingkah laku guru ini berkait rapat dengan pengetahuan dan kepercayaan mereka terhadap pencapaian murid bermasalah pembelajaran. Kajian Ethell dan McMeniman (2000), Putnam dan Borko (2000), Shulman (2000), Freeman (2002) dan Hiebert et al. (2002) menunjukkan bahawa pengetahuan guru berkaitan pendekatan pengajaran, isi kandungan dan amalan pengajaran membantu proses P&P di dalam bilik darjah. Grossman (1995) pula mendapati masih kurang kajian dijalankan dalam domain pengetahuan kurikulum dan pelaksanaannya, pembelajaran murid serta dalam konteks pengajaran guru.

Mayer dan Marland (1997) menemu bual lima orang guru berkaitan pengetahuan mereka terhadap murid-murid bermasalah pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru Pendidikan Khas mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang latar belakang murid dan pengetahuan ini membantu guru memilih pendekatan pengajaran yang bersesuaian untuk setiap

murid. Kajian Clark (1997) menunjukkan guru melakukan penyesuaian dan mengadun pengalaman mengajar serta pengetahuan sedia ada apabila mengajar di dalam bilik darjah.

### PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kemahiran prapertuturan dilihat kurang mendapat tempat dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Perkara ini disebabkan kemahiran prapertuturan dimasukkan sebagai satu kemahiran khusus dalam panduan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah tetapi sebaliknya terapi pertuturan dimasukkan sebagai isi kandungan ke dalam kemahiran bertutur. Manakala bahasa augmentatif merupakan isi kandungan dalam kemahiran komunikasi. Bukan semua guru terdedah dengan penggunaan bahasa isyarat dan penggunaan gambar sebagai satu mod komunikasi dan seterusnya memberi kesan dalam pembelajaran murid kerana guru tidak mampu untuk membantu murid bermasalah pembelajaran teruk yang mempunyai masalah pertuturan dan komunikasi.

Murid-murid bermasalah pembelajaran memerlukan intervensi akademik yang boleh dijalankan di dalam bilik darjah. Intervensi akademik ini merangkumi tindakan mengubah suai kurikulum, memberi pujian dan token ekonomi supaya pengajaran menjadi lebih berkesan kerana guru memberi tumpuan kepada tahap kebolehan setiap murid. Berdasarkan hujah yang dibincangkan, pengajaran kemahiran bahasa untuk murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan boleh dipertingkatkan menerusi cadangan berikut:

1. Guru-guru, ibu bapa dan Pembantu Pengurusan Murid diberi latihan berkaitan komunikasi augmentatif dan alternatif.
2. Pemilihan isi kandungan dan pengalaman belajar yang paling diperlukan oleh murid-murid bermasalah pembelajaran teruk.
3. Mengajar perkataan yang paling berfungsi dalam kehidupan.
4. Pengajaran kemahiran komunikasi menggunakan isyarat tangan dan gambar.
5. Pengurusan isi kandungan dan pengalaman belajar mengikut tahap kebolehan murid bermasalah pembelajaran teruk dan keutamaan diberi kepada komunikasi augmentatif dan alternatif.
6. Merancang dan mengguna pakai inventori perkataan berfungsi dalam pengajaran.

### KESIMPULAN

Murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan jarang menghadiri terapi pertuturan di hospital kerana pelbagai masalah. Isu ini sukar untuk dijelaskan tetapi dipercayai berkaitan dengan masalah keluarga, budaya dan kurang kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan penjaga. Justeru, guru Pendidikan Khas dilihat wajar mencari jalan alternatif supaya murid-murid bermasalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan mampu berinteraksi dalam persekitaran menggunakan pendekatan lain seperti komunikasi augmentatif dan alternatif. Namun begitu tidak ramai guru Pendidikan Khas yang mengajar dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran terdedah dengan pendekatan ini. Penggunaan komunikasi augmentatif dan alternatif yang melibatkan pertukaran gambar, bahasa isyarat dan gestur dalam pengajaran boleh dikembangkan menerusi siri latihan dan bengkel yang dijalankan secara formal.

### RUJUKAN

- Anderson, D. (2006). In or out: surprises in reading comprehension instruction. *Intervention in School and Clinic*, 41 (3): 175-179.
- Beck, J. (2002). Emerging literacy through assistive technology. *Teaching Exceptional Children*, 35 (2): 44-48.

- Clark, M.D. (1997). Teacher response to learning disability: a test of attribution principles. *Journal of Learning Disabilities*, 30: 69-79.
- Ethell, R.G. & McMeniman, M.M. (2000). Unlocking the knowledge in action of an expert practitioner. *Journal of Teacher Education*, 51: 87-101.
- Freeman, D. (2002). The hidden side of the work: teacher knowledge and learning to teach. A perspective from North American educational research on teacher education in English language teaching. *Language Teaching*, 35: 1-13.
- Grossman, H. (1995). *Ending discrimination in special education*. Springfield, IL: Charles C. Thomas.
- Hiebert, J., Gallimore, R. & Stigler, J.W. (2002). A knowledge base for the teaching profession: what would it look like and how can we get one? *Educational Researcher*, 31 (5): 3-15.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Khas.
- Mayer, D. & Marland, P. (1997). Teachers' knowledge of students: a significant domain of practical knowledge? *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 25 (1): 17-34.
- Noor Aini Ahmad. (2010). Pengajaran kemahiran bahasa bagi murid-murid bermasalah pembelajaran. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Putnam, R.T. & Borko, H. (2000). What do new views of knowledge and thinking have to say about research on teacher learning? *Educational Researcher*, 29 (1): 4-15.
- Shulman, L.S. (2000). Domain expertise and pedagogical knowledge. *Journal of Applied Development Psychology*, 21: 129-135.
- WDEHA. (1994). *World declaration on education for all*. Thailand: WDEHA.
- Wright, J.A. & Kersner, M. (1998). Collaborative working practices in schools for children with physical disabilities. *Royal College of Speech and Language Therapists*, 33: 626-631.